



PANDUAN MAJLIS KONVOKESYEN KEDUA KOLEJ KETENGAH

**SYARAT DAN PERATURAN
GRADUAN MENYERTAI
MAJLIS PENYAMPAIAN**

**IJAZAH SARJANA PENTADBIRAN PERNIAGAAN,
DIPLOMA PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK**

&

**SIJIL PROGRAM LATIHAN KEMAHIRAN
DAN KERJAYA (PLKK)**

Membina Sayap Kejayaan

ISI KANDUNGAN

MUKASURAT

1	Senarai Semak Pendaftaran Graduan Konvoquesyen Kedua	3
2	Panduan Dan Peraturan	4 - 10
3	Lagu Rasmi Kolej Ketengah	11

SENARAI SEMAKAN / CHECK LIST

Sebelum menghadiri Majlis Konvokesyen Kedua Kolej Ketengah pastikan (sila tanda ✓) perkara-perkara di bawah telah diambil tindakan.

✓	PERKARA	CATATAN						
	<p>Melengkapkan dan menghantar Borang Pengesahan Kehadiran Majlis Konvokesyen Kedua Kolej Ketengah melalui cara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Whatsapp Kumpulan Masing-Masing • E-mel kepada admin@kolejketengah.edu.my, norzila.kolejketengah@gmail.com normastura@kolejketengah.edu.my <p>Borang jawapan mesti sampai sebelum atau pada 30 Disember 2018</p>							
	<p>Membuat bayaran Konvokesyen Kedua di Bank CIMB;</p> <p>No. Akaun : 8006706260 Nama Akaun : KOLEJ KETENGAH SDN.BHD.</p> <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <tr> <td>Hadir</td> <td>RM 300.00</td> </tr> <tr> <td>Pos</td> <td>RM 150.00</td> </tr> <tr> <td>Ambil Sendiri / Wakil</td> <td>RM 100.00</td> </tr> </table>	Hadir	RM 300.00	Pos	RM 150.00	Ambil Sendiri / Wakil	RM 100.00	
Hadir	RM 300.00							
Pos	RM 150.00							
Ambil Sendiri / Wakil	RM 100.00							
	Mengisi Borang Soal Selidik Graduan Kolej Ketengah 2018							
	Telah menyediakan pakaian untuk menghadiri Majlis Konvokesyen sepertimana yang ditetapkan							
	Telah memaklumkan kepada ibubapa/tetamu tatacara pakaian rasmi yang ditetapkan semasa menghadiri Majlis Konvokesyen							
	Menyerahkan kepada ibubapa/tetamu Pas Masuk dan dibawa semasa menghadiri Majlis Konvokesyen							
	Telah membuat bayaran Yuran Majlis Konvokesyen dan menjelaskan tunggakan yuran sepenuhnya							
	Mendaftar dan menghadiri raptai pada 26hb Januari 2018 (Jumaat), 10.00 pagi di Dewan Balai Orang Ramai (BALORA), Bandar Al Muktafi Billah Shah, Dungun, Terengganu. Sila bawa slip bayaran Konvokesyen Kedua yang asli untuk pengesahan							
	<p>Mematuhi jadual pengambilan & pemulangan jubah.</p> <p>Sila bawa item berikut ketika mengambil jubah:-</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Borang Soal Selidik Graduan Kolej Ketengah ii. Borang peminjaman Jubah 							

MAKLUMAT PENTING

1. Pendaftaran Dan Raptai

- a) Pendaftaran akan diadakan pada 26 Januari 2018 pada jam 10.00 pagi Dan Raptai akan diadakan pada jam 2.00 petang bertempat di Dewan Balai Orang Ramai (BALORA), Bandar Al Muktafi Billah Shah, Dungun, Terengganu.
- b) Semua graduan adalah dijemput untuk menghadiri majlis raptai tersebut.
- c) Pakaian raptai hendaklah kemas dan sopan serta bersesuaian dengan majlis. Graduan lelaki hendaklah berambut pendek.
- d) Graduan adalah dilarang memakai seluar jeans, selipar dan kemeja – T semasa raptai.
- e) Graduan diminta memaklumkan kepada ibu bapa/tetamu supaya berpakaian kemas dan tertib yang bersesuaian untuk majlis rasmi.

2. Majlis Penyampaian Ijazah Sarjana /Diploma / Sijil

- a) Majlis akan diadakan pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan sebagaimana yang tercatat di Surat Jemputan Graduan.
- b) Pendaftaran
 - i. Tempat:
Mengikut tarikh dan masa seperti yang tercatat dalam Surat Jemputan Graduan.
 - ii. Maklumat yang perlu dibawa:
 - Surat Jemputan Graduan
 - Kad Pengenalan
 - iii. Syarat Pendaftaran:
Tanpa surat jemputan majlis/kad pengenalan, graduan tidak dibenarkan mendaftar untuk menyertai majlis ini.
- c) Kolej berhak menahan atau melarang graduan yang tidak mendaftar daripada menyertai majlis ini.
- d) Kad Barisan atau *bar code* yang mengandungi nombor giliran/susunan barisan akan diberikan kepada graduan semasa pendaftaran Majlis Konvokesyen Kedua bagi tujuan memudahkan graduan berbaris mengikut giliran. Sila ikut arahan yang diberikan oleh pegawai dan staf yang bertugas.
- e) Perbarisan graduan adalah di ruang pejalan kaki Dewan Balai Orang Ramai (BALORA) mengikut program dan nombor giliran yang telah diberikan.

- f) Graduan yang hadir lewat dari tempoh masa pendaftaran yang telah ditetapkan di dalam Jadual Sesi Penganugerahan atau tidak mematuhi peraturan pakaian menghadiri Majlis Konvokesyen Kedua tidak akan dibenarkan menyertai majlis.
- g) Semasa majlis sedang berlangsung graduan diminta menghormati majlis dengan tidak membuat bising. Graduan dan keluarga/tetamu adalah dilarang untuk mengambil gambar (kamera/telefon bimbit) dan membuat rakaman video.
- h) Graduan adalah dinasihatkan supaya tidak membawa masuk barang-barang persendirian seperti beg yang besar, kamera, telefon bimbit, alat keluli (Pager) atau sebagainya ke dalam Dewan Balai Orang Ramai (BALORA), Bandar Al Muktafi Billah Shah, Dungun, Terengganu. Barangan tersebut boleh ditinggalkan bersama ahli keluarga.
- i) Graduan kurang upaya (mengandung, cacat atau kemalangan) yang memerlukan bantuan peralatan seperti kerusi roda atau pembantu diminta memaklumkan kepada pihak Kolej semasa mengemukakan Borang Pengesahan Kehadiran Majlis Konvokesyen Kedua atau memaklumkan kepada staf bertugas semasa hari raptai.
- j) Graduan dilarang meninggalkan dewan semasa majlis sedang berlangsung.
- k) KUASA KOLEJ : Graduan hendaklah mematuhi syarat dan peraturan yang dinyatakan di atas bagi membolehkan penyertaan ke majlis ini.

SYARAT PENYERTAAN GRADUAN DAN BAYARAN

1. Penyertaan graduan ke Majlis Konvokesyen Kedua ini hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang Pengesahan Kehadiran Majlis Konvokesyen Kedua Kolej Ketengah yang disertakan. Maklumat hendaklah diserahkan kepada Bahagian Akademik Kolej Ketengah.
2. Kadar bayaran Majlis Konvokesyen Kedua Kolej Ketengah adalah sebagaimana yang tercatat di Surat Jemputan Graduan.
3. Graduan yang tidak menghadiri Majlis Konvokesyen Kedua Kolej Ketengah juga akan dikenakan kadar bayaran konvokesyen sebagaimana yang tercatat di laman web Kolej Ketengah.
4. Bayaran Majlis Konvokesyen Kedua hendaklah dibuat di Kolej Ketengah atau melalui deposit tunai di kaunter Bank CIMB atau melalui Mesin Deposit Tunai (Cash Deposit Machine – CDM) atau melalui pembayaran atas talian (*Online Banking*). Sila bawa **slip/resit asal** pembayaran semasa hadir di Majlis Konvokesyen.
5. Graduan dikehendaki mengemukakan semula maklumat berikut ke semasa hari pendaftaran konvokesyen:-
 - a) Borang Pengesahan Kehadiran Majlis Konvokesyen Kedua Kolej Ketengah
 - b) Borang Kaji Selidik Graduan Kolej Ketengah
6. Tiada wakil dibenarkan mewakili graduan menyertai Majlis Konvokesyen Kedua Kolej Ketengah.

KOD PAKAIAN

1. Pakaian raptai hendaklah kemas dan sopan serta bersesuaian dengan majlis. Graduan lelaki hendaklah berambut pendek.
2. Pakaian dan Rupa Diri Graduan Lelaki

GRADUAN IJAZAH SARJANA

- a) Graduan hendaklah memakai '**Lounge Suit**' warna hitam/biru gelap beserta tali leher, kemeja lengan panjang berwarna putih atau cerah; dan stokin serta kasut kulit bertumit warna hitam (kemeja T, seluar jeans atau seluar pendek tidak dibenarkan).

GRADUAN DIPLOMA

- a) Graduan hendaklah memakai '**Lounge Suit**' warna hitam/biru gelap beserta tali leher ATAU **Baju Melayu** warna hitam/biru gelap, berbutang lengkap dan bersampin warna hitam; dan stokin serta kasut kulit bertumit warna hitam (kemeja-T, seluar jeans atau seluar pendek tidak dibenarkan).

GRADUAN SIJIL

- a) Graduan hendaklah memakai '**Lounge Suit**' warna hitam/biru gelap beserta tali leher ATAU **Baju Melayu** warna hitam/biru gelap, berbutang lengkap, bersampin warna hitam dan bersongkok; dan stokin serta kasut kulit bertumit warna hitam (kemeja-T, seluar jeans atau seluar pendek tidak dibenarkan).
- b) Definisi 'Lounge Suit' ialah Kot/Blazer berwarna hitam atau biru gelap (blue black), kemeja lengan panjang berwarna putih atau cerah, seluar panjang hitam dan tali leher berwarna hitam, stokin dan kasut hitam.
- c) Graduan lelaki yang beragama Sikh dibenarkan memakai turban warna hitam sahaja.
- d) Jubah/Pakaian Konvokesyen akan disediakan oleh pihak Kolej Ketengah.
- e) Graduan tidak dibenarkan:
 - Memakai tali bow (Bow Tie)
 - Memakai subang telinga dan gelang tangan
 - Mewarnakan rambut
 - Berambut panjang (mencecah kolar baju)
 - Memakai 'sandle', kasut tidak formal atau kasut sukan
- f) Graduan dikehendaki memakai kasut hitam yang bersih dan bersesuaian untuk majlis rasmi.

3. Pakaian dan Rupa Diri Graduan Wanita

- a) Pakaian graduan wanita ialah **PAKAIAN BAJU KURUNG** atau **PAKAIAN LABUH WARNA BEBAS**. Kadar labuh ialah sehingga ke bahagian buku lali (ankle) dan tidak berbelah di kiri kanan atau depan dan belakang. Baju hendaklah tertutup hingga ke pangkal leher di bahagian hadapan dan belakang serta berlengan panjang hingga ke

pergelangan tangan. Pakaian daripada kain jenis jarang (nipis) adalah dilarang. (Pakaian berbentuk seluar adalah tidak dibenarkan). Graduan yang tidak mematuhi syarat ini akan dihalang daripada menyertai majlis.

- b) Graduan wanita yang bertudung dikehendaki memakai tudung berwarna **cream**.
- c) Graduan wanita yang tidak bertudung – rambut hendaklah didandan dengan kemas jika panjang serta tidak diwarnakan.
- d) Dikehendaki memakai **kasut berwarna gelap**, bertumit sekurang-kurangnya 1 ½ inci, bertutup penuh yang bersesuaian, menutupi dari bahagian hadapan kaki hingga ke tumit kaki (cover shoes). Selipar ataupun 'sandle' **tidak dibenarkan** sama sekali.
- e) Bagi graduan wanita yang bukan beragama Islam, skirt hendaklah melepasi paras lutut, tidak terlalu terdedah dan baju hendaklah berlengan panjang (skirt atau seluar pendek tidak dibenarkan).
- f) Jubah/Pakaian Konvokesyen akan disediakan oleh pihak Kolej Ketengah.
- g) Graduan tidak dibenarkan:
 - Mewarnakan rambut
 - Bertindik telinga melebihi satu pasang
 - Tatarias kuku yang berlebihan

UMUM

- Rumbai (tassel) pada mortarboard hendaklah dibiarkan tergantung di hadapan sebelah kanan graduan.

PARA GRADUAN YANG TIDAK MEMATUHI PERATURAN PAKAIAN DAN RUPA DIRI YANG DITETAPKAN, PIHAK JAWATANKUASA PARA LULUSAN MEMPUNYAI KUASA UNTUK TIDAK MEMBENARKAN GRADUAN MENYERTAI MAJLIS KONVOKESYEN KEDUA KOLEJ KETENGAH.

4. Pakaian Yang Perlu Diambil

Setiap Graduan Ijazah Sarjana, Diploma dan Sijil dikehendaki mengambil Jubah Konvokesyen sebagaimana berikut:

BIDANG PENGAJIAN	JENIS PAKAIAN
Ijazah Sarjana	Jubah (hitam) + Hood (slow pink)
Diploma	Jubah(Blue black)+ Hood (Hijau)
Sijil	Jubah (Blue Black) + Hood (royal blue)

5. Kaedah Peminjaman Jubah/Pakaian Konvokesyen

- a) Surat jemputan ke Majlis Konvokesyen Kedua Kolej Ketengah hendaklah dikemukakan semasa meminjam jubah/pakaian konvokesyen.
- b) Graduan diminta menguruskan peminjaman jubah/pakaian konvokesyen lebih awal iaitu sebelum hari raptai. Sila rujuk Jadual Pengambilan dan Pemulangan Jubah/Pakaian konvokesyen untuk maklumat lanjut.
- c) Graduan boleh mewakilkan kepada orang lain dalam urusan pengambilan jubah/pakaian konvokesyen dengan menggunakan surat wakil yang disertakan seperti di Borang Kebenaran Wakil Mengambil Pakaian Konvokesyen Bagi Pihak Graduan. Borang ini hendaklah dibawa oleh wakil tersebut bersama sesalinan surat jemputan semasa mengambil pakaian konvokesyen.
- d) Walaubagaimanapun, wakil hanya dibenarkan mengambil dua (2) jubah/pakaian konvokesyen sahaja (termasuk diri sendiri) dalam satu-satu masa.

6. Tempoh Pemulangan Jubah/Pakaian Konvokesyen

- a) Jubah/Pakaian konvokesyen hendaklah dipulangkan mengikut Jadual Pengambilan & Pemulangan Jubah yang dikepilkan.

7. Denda Kelewatan Pemulangan Jubah/Pakaian Konvokesyen

- a) Denda akan dikenakan mengikut jumlah seperti yang tertera di dalam Jadual Pengambilan & Pemulangan Jubah, Ijazah Sarjana, Diploma atau Sijil graduan juga akan ditahan sehingga pembayaran berkaitan diselesaikan. Sila pastikan setiap urusan peminjaman, pemulangan dan pembayaran hendaklah disertakan resit.

8. Pengubahsuaian/Kehilangan/Kerosakan Jubah/Pakaian Konvokesyen

- a) Graduan tidak dibenarkan sama sekali membuat pengubahsuaian (seperti menjahit lengan atau mengubah kadar labuh jubah) ke atas jubah/pakaian konvokesyen KOLEJ KETENGAH. Pengubahsuaian yang dibuat tanpa kebenaran dari pihak Kolej akan dikenakan denda.
- b) Kadar denda minimum yang dikenakan ke atas jubah/pakaian yang diubahsuai adalah sebanyak RM50.00. Kadar yang lebih tinggi boleh dikenakan berdasarkan tahap pengubahsuaian dan kerosakan yang terlibat. Graduan adalah diminta untuk menyelesaikan bayaran denda terlebih dahulu sebelum membuat tuntutan Sijil Diploma/Sijil.

- c) Pakaian yang rosak atau hilang akan dikenakan bayaran gantirugi mengikut kadar seperti berikut:

Peringkat Pengajian	Jubah (RM)	Bonnet / Mortarboard (RM)	Lapel (RM)	Jumlah (RM)
Ijazah Sarjana	400.00	120.00	100.00	620.00
Diploma	400.00	120.00	100.00	620.00
Sijil	400.00		100.00	500.00

IBU BAPA/TETAMU & PAS MASUK

- Seorang Graduan akan diberi dua (2) keping pas masuk untuk dua (2) orang ibubapa/tetamu. Kad masuk ada disertakan.
- Ibubapa/tetamu adalah diminta supaya mengambil tempat duduk di dalam dewan sebelum jam 8.00 pagi. Ibubapa/tetamu dinasihatkan untuk bersarapan terlebih dahulu sebelum masuk ke dalam dewan. Majlis dijangkakan mengambil masa yang agak lama.
- Ibubapa/tetamu hendaklah berpakaian rasmi seperti berikut:
 - Pakaian tetamu lelaki**
 - Kebangsaan atau
 - Batik atau
 - 'Lounge Suit' atau
 - Pakaian rasmi yang sesuai (seluar jeans dan kemeja-T tidak dibenarkan)
 - Pakaian tetamu wanita**
 - Kebangsaan atau
 - Pakaian rasmi atau pakaian sopan (pakaian gaun atau 'skirt' yang tidak melebihi paras lutut ['skirt' pendek], 'blouse' tanpa lengan, kemeja-T dan seluar adalah tidak dibenarkan)
- Semasa majlis sedang berlangsung ibubapa/tetamu diminta menghormati majlis dengan tidak membuat bising. Ibubapa/tetamu juga dilarang meninggalkan dewan semasa Majlis Konvokesyen Kedua Kolej Ketengah sedang berlangsung. Keluarga/tetamu adalah dilarang untuk mengambil gambar (kamera/telefon bimbit) dan membuat rakaman video.
- Ibubapa/tetamu yang tidak membawa **kad jemputan** tidak akan dibenarkan masuk ke dewan.
- Tetamu yang berumur di **bawah 12 tahun tidak dibenarkan masuk ke dewan.**

KENDERAAN GRADUAN

1. Graduan diberi satu (1) keping pas/pelekat kenderaan.
2. Kenderaan hendaklah diletakkan di tempat letak kereta yang disediakan oleh pihak Kolej. Sila patuhi arahan/tunjuk arah yang diberikan oleh pihak Berkuasa Kolej.

MAKLUMAT MENGENAI PENGAMBILAN DIPLOMA PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK

1. Pengambilan Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak
 - a) Pengambilan Diploma secara sendiri di Pejabat Pentadbiran/Bahagian Akademik Kolej Ketengah.
 - b) Graduan yang tidak menghadiri Majlis Konvokesyen Kedua Kolej Ketengah juga akan dikenakan kadar bayaran konvokesyen seperti graduan lain semasa hendak mengambil Diploma masing-masing sebagaimana yang tercatat di surat jemputan.
 - c) Diploma yang tidak dituntut akan terus disimpan oleh pihak Kolej. Walau bagaimanapun, pihak Kolej tidak akan bertanggungjawab jika berlaku kerosakan/kehilangan dan sebagainya ke atas Sijil Diploma tersebut.
2. Penahanan Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak
 - Diploma tidak akan dikeluarkan sekiranya Graduan masih:
 - a) Tidak menjelaskan bayaran konvokesyen; atau
 - b) Belum memulangkan jubah konvokesyen KOLEJ KETENGAH; atau
 - c) Belum menjelaskan yuran pengajian atau sebarang tunggakan.
 - Sekiranya bayaran atau penyerahan sudah dibuat, sila bawa surat pelepasan hutang berkenaan.

HAL LAIN

1. Graduan dinasihatkan untuk membawa bersama buku panduan ini semasa menghadiri raptai dan Majlis Konvokesyen.
2. Sebarang pertanyaan mengenai Majlis Konvokesyen Kedua Kolej Ketengah, sila hubungi talian 09-822 1491 / 1492.

Alamat :-

**URUSETIA
BAHAGIAN GRADUAN & PERSIJILAN KONVOKESYEN 2018
KOLEJ KETENGAH, JALAN SULTAN SULAIMAN
BANDAR AL MUKTAFI BILLAH SHAH
23400 DUNGUN, TERENGGANU.**

LAGU RASMI KOLEJ KETENGAH

GEMILANG KOLEJKU

Kolej Ketengah yang gemilang
Lahirkan insan yang terbilang
Bangkit jati diri dan perjuangan
Penuh semangat menuju kejayaan

Kolej Ketengah yang cemerlang
Membina insan yang budiman
Demi meraih keredhaan
Ilmu dan amal jadi pegangan

Kolej kami sedia berbakti
Penuh impian suci dan murni
Demi mencapai aspirasi
Itulah wawasan di hati

Ilmu dijunjung semangat waja
Jelas ke hadapan menjulang bangsa
Bertambah ilmuwan berjasa
Berdiri megah di persada negara

Kolej Ketengah yang cemerlang
Membina insan yang budiman
Demi meraih keredhaan
Ilmu dan amal jadi peganga



